



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 29 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

**Program MySaveFood Ramadan**

# 33,000kg makanan, minuman di bazar diselamatkan

**Kuantan:** Sebanyak 33,000 kilogram (kg) makanan dan minuman dianggarkan bernilai RM416,000, berjaya diselamatkan di bazar Ramadan seluruh negara melalui program MySaveFood Ramadan yang dilancarkan sejak 14 Mac lalu hingga kelmarin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata kempen itu digerakkan kementeriannya bersama rakan strategik, Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) daripada institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kita bekerjasama dengan GPS, iaitu sukarelawan IPT bahawh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), yang ditugaskan menasihati peniaga bazar Ramadan dan seluruh negara agar tidak membazir serta mengumpulkan

makanan tidak terjual untuk diagihkan kepada golongan susah.

"Selain menyelamatkan makanan masih elok, kita juga membuat kompos daripada sisa makanan, dengan mesin kompos disediakan SWCorp yang boleh menghasilkan baja dalam tempoh 48 jam menggunakan bahan enzim," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melakukan tinjauan mesra serta pelancaran Program MySaveFood 2024 peringkat Pahang di Bazar Ramadan RAHMAH Mahkota Square, di sini, kelmarin.

**Lebih banyak penyertaan**

Fuziah berkata, sebanyak 25,000kg makanan dikumpulkan ketika projek rintis MySaveFood pada Ramadan tahun lalu dan ia dijangka meningkat kali ini dengan penyertaan lebih ramai sukare-



Fuziah melancarkan Program MySaveFood 2024 peringkat Pahang di Bazar Ramadan RAHMAH Mahkota Square, di Kuantan, kelmarin.

(Foto ihsan facebook KPDN)

lawan dalam pengumpulan lebihan makanan di bazar Ramadan.

Mengulas Ops Pantau yang dilaksanakan sejak 12 Mac hingga Selasa lalu di Pahang pula, Fuziah berkata, sebanyak 3,239 premis telah diperiksa dengan 13 kes kesalahan tidak meletakkan tandas harga dan lapan menggunakan alat timbang sukat yang ti-

dak ditentusahkan.

"Kita tidak menjumpai harga makanan melampau seperti burger berharga RM30 atau RM40 sebagaimana ditularkan. Mungkin mereka sempat mengubahnya sebelum pegawai penguasa KPDN turun melakukan pemeriksaan," katanya.

BERNAMA

# Masih ada keperluan tampung subsidi produk petroleum

Kerajaan usaha lindungi pengguna elak kesan kenaikan harga

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kerajaan** melihat masih terdapat keperluan untuk terus menampung subsidi ke atas produk petroleum bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga minyak global dalam keadaan harga minyak dunia masih kekal tidak menentu ketika ini.

Justeru, Kementerian Kewangan (MOF) berkata, sehingga kini kerajaan masih mengelakkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk melebihi paras harga siling yang ditetapkan.

"Kerajaan juga akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," kata kementerian itu dalam jawapan pertanya-

an lisan Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Siti Aminah Aching di Dewan Rakyat.

MOF berkata, pada 2023, kerajaan membelanjakan lebih RM80 bilion bagi keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan termasuk subsidi pertanian, bantuan tunai dan jumlah terbesar perbelanjaan adalah bagi tujuan subsidi kepenggunaan iaitu sebanyak RM50 bilion termasuk subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur.

Ia berkata, mekanisme pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar masih dalam pertimbangan dan dijangka tidak akan meningkatkan kos kepada industri sedia ada.

Namun, katanya, kerajaan tetap menitik berat aspek pelaksanaan dan komunikasi yang berkesan kepada pihak industri agar tidak berlaku kejutan kepada ekonomi.

"Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan berdasarkan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan serta mengelakkan fokus kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas," katanya.

MOF berkata, sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2024, kerajaan akan me-

numpukan kepada penyasaran subsidi diesel terlebih dulu melalui kaedah dan mekanisme yang diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sarawak pada 6 Mac 2024.

Ia berkata, perluasan pembelian di bawah Sistem Kawalan Subsidi Diesel 2.0 (SKDS 2.0) kepada sembilan jenis kendaraan barang dibuka untuk permohonan bermula 7 Mac 2024 dan dijangka memanfaatkan lebih 260,000 kendaraan.

Katanya, sejak 8 Mac 2024 hingga 18 Mac 2024, sejumlah lebih 7,100 syarikat dengan lebih 41,700 bilangan kendaraan berjaya mendaftar dalam SKDS 2.0.

Justeru, kerajaan menyeru agar semua pemilik kendaraan yang layak, berdaftar di bawah SKDS 2.0 agar dapat terus menikmati subsidi di masa hadapan," katanya.

## Perbelanjaan subsidi

Mengulas lanjut, MOF berkata, jumlah perbelanjaan subsidi diesel pada 2023 mencecah RM14.3 bilion, di mana jumlah penggunaan meningkat kepada 10.8 bilion liter setahun berbanding 6.1 bilion liter pada tahun 2019 (sebelum pandemik COVID-19).

Katanya, peningkatan jumlah penggunaan sebanyak 70 peratus itu dilihat tidak selari dengan pertambahan bilangan kendaraan diesel yang hanya mencatatkan

peningkatan kurang tiga peratus.

"Ini mengukuhkan lagi dakwaan bahawa ketirisan subsidi diesel adalah sangat besar. Justeru, adalah menjadi keutamaan kerajaan pada ketika ini supaya menstruktur semula program-program subsidi/intensif/bantuan supaya ia dapat diagihkan kepada mereka yang memerlukan."

"Ketika ini semua kendaraan diesel dalam kategori pengangkutan awam di bawah SKDS sedia ada termasuk van/bas sekolah telah menikmati harga diesel bersubsidi pada kadar RM1.88 seliter, manakala golongan nelayan menerima subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter."

"Kedua-dua kategori ini akan kekal menikmati harga diesel itu dan tidak akan terbabit dalam Program Pemberian Subsidi Diesel secara bersasar," katanya.

Di samping itu, MOF berkata, satu lagi strategi penting yang dihasilkan penekanan ialah pengatkuasaan, yang adalah elemen terpenting dalam memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dan perkhidmatan sewenang-wenangnya.

Ia berkata, pelbagai operasi dilaksanakan seperti Ops Kesan, Ops Catut, Ops Terjah, Ops Tiris, Ops Menu, Ops Pasar dan Ops Samar bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan dalam pasaran.

# Bazar Ramadan KL paling banyak makanan tidak terjual

Oleh NURUL IRDINA SUMALI  
irdina.sumali@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kuala Lumpur merupakan wilayah tertinggi dan menjadi penyumbang utama kepada makanan dan minuman yang tidak terjual membabitkan 75 bazar Ramadan di bawah program MySaveFood.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, berdasarkan statistik yang direkodkan, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kutipan makanan dan minuman tertinggi sebanyak 7,594.8 kilogram (kg) diikuti dengan Selangor 6,395kg.

"Faktor utama makanan tidak terjual adalah disebabkan penyediaan makanan yang banyak oleh peniaga berbanding pengunjung yang datang dan yang kedua disebabkan cuaca,"



FUZIAH Salleh (empat dari kiri) mengedarkan risalah berkaitan inisiatif menyelamatkan makanan di bazar Ramadan yang tidak terjual baru-baru ini. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

katanya," katanya.

Menurut Fuziah, sekiranya berlaku hujan, pengunjung akan kurang ke bazar, menyebabkan kutipan juga akan bertambah

oleh pasukan MySaveFood.

Pada 14 Mac lalu, KPDN melancarkan satu program yang dinamakan MySaveFood Ramadhan dan menerusinya, sebanyak

33.000kg makanan dan minuman yang boleh dijual di bazar Ramadan di seluruh negara berjaya 'diselamatkan'.

Fuziah memaklumkan sisa

makanan dikutip dari bazar Ramadan juga dijadikan bahan kompos melalui kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Katanya, pihak SWCorp menyediakan mesin kompos berhampiran tapak bazar Ramadan bagi memudahkan peniaga atau orang ramai mengurangkan sisa makanan mereka.

"Mesin kompos ini dapat menghasilkan bahan dalam tempoh 48 jam menggunakan bahan enzim," katanya.

Dalam pada itu, Fuziah turut menggalakkan lebih banyak sambutan daripada orang ramai untuk menjadi sukarelawan dalam program MySaveFood ini.

Katanya, beliau percaya lebih banyak lagi makanan dan minuman yang boleh diselamatkan di samping dapat mengurangkan pembaziran dan sisa makanan yang terbuang setiap kali menjelang Ramadan.

Sindiket seleweng minyak lebih RM1 juta dibongkar

# Taktik sorok diesel dalam kepala treler

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**BAGAN DATUK** – Beberapa treler yang mengisi minyak di Hutan Melintang akhirnya membongkar penyelewengan minyak diesel bersubsidi bernilai RM1,002,705 kelmarin.

Kementerian Perdagangan, Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak membongkar taktik itu hasil risikan seminggu mendapat kepala treler itu telah diubah suai untuk mengisi minyak diesel berulang kali.

Pengaruhnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, operasi pada pukul 12.30 tengah hari itu melibatkan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Teluk Intan setelah pihaknya melakukan risikan selama seminggu di sekitar Hutan Melintang.

Beliau berkata, risikan dan pemantauan dijalankan itu mendapati modus operandi sindiket tersebut adalah dengan cara kepala treler yang telah diubah suai tangki asalnya dan membuat pembelian minyak diesel berulang kali di stesen minyak.

"Minyak diesel yang dibeli itu kemudian akan dipindahkan ke skidtank yang diletakkan di sebuah premis yang disyaki tidak berlesen. Ketika serbuan dilakukan, sindiket ini sedang memindahkan minyak dari tangki asal kendaraan ke sebuah skidtank menggunakan pam penyedut minyak."

"Sindiket dipercayai kemudiannya akan menjual kepada pengguna industri dengan mengambil keuntungan berlipat kali ganda."

"Minyak diesel bersubsidi yang dibeli di stesen minyak dengan harga RM2.15 per liter boleh dijual di pasaran gelap pada harga RM3 hingga RM4 per liter mengikut harga pasaran minyak diesel industri," katanya di sini



**KAMALLUDIN** memeriksa treler yang digunakan untuk menyelweng minyak diesel bersubsidi ketika serbuan dilakukan di sebuah premis di Simpang Empat, Hutan Melintang di Bagan Datuk semalam. – IHSAN KPDN

semalam.

Kamalludin berkata, hasil pemeriksaan lanjut telah menemui anggaran sebanyak 4,415 liter cecair yang disyaki minyak diesel di lokasi kejadian.

Beliau berkata, cecair yang disyaki minyak diesel, lapan buah skidtank, peralatan pam penyedut, tiga buah treler dan dua buah lori 5 tan telah disita

untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM1,002,705. Dua orang lelaki tempatan berumur 50 dan 61 tahun yang disyaki pemandu dan pengurus premis telah ditahan untuk siasatan lanjut. Stesen minyak yang disyaki bersabahat juga akan disiasat dan diambil tindakan," katanya.

HARI: JUMAAT

TARIKH: 29/3/2024

M/SURAT: 22

**Kuantan:** Sebanyak 33,000 kilogram (kg) makanan dan minuman dengan anggaran nilai RM416,000 berjaya diselamatkan di bazar Ramadan seluruh negara menerusi program *MySaveFood Ramadan* yang dilancarkan sejak 14 Mac lalu hingga kelmarin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Fuziah Salleh berkata, kempen itu diigerakkan kementerian dengan rakan strategik iaitu Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) daripada institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kita bekerjasama dengan GPS iaitu sukarelawan IPT di bawah KPDN

### PROGRAM MYSAVEFOOD RAMADAN

## Selamat 33,000kg makanan tak terjual

lawan IPT di bawah KPDN yang ditugaskan untuk menasihatkan peniaga bazar Ramadan di seluruh negara tidak membazir dan mengumpulkan makanan



yang tidak terjual untuk diagihkan kepada

golongan susah.

"Selain menyelamatkan makanan yang masih elok, kita juga membuat kompos daripada sisa makanan dengan mesin kompos dise- diakan SWCorp

yang boleh menghasilkan bahan enzim," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan mesra dan pelancaran Program *MySaveFood 2024* peringkat negeri Pahang di bazar Ramadan RAHMAH Mahkota Square di sini, kelmarin.

Fuziah berkata, sebanyak 25,000kg makanan berharga dikumpulkan pada projek rintis *MySaveFood* pada Ramadan tahun lalu dan kali ini ia dijangka akan meningkat dengan penyertaan lebih ramai sukarelawan dalam pengumpulan lebi-

han makanan di bazar Ramadan.

Mengulas mengenai Ops Pantau yang dilaksanakan sejak 12 Mac lalu sehingga Selasa di Pahang, Fuziah berkata, 3,239 premis diperiks dengan 19 kes kesalahan tidak meletakkan tanda harga dan lapan menggunakan alat timbang sukat yang tidak ditentusahkan.

"Kita tidak menjumpai harga makanan yang melampau seperti burger berharga RM30 atau RM40 seperti ditularkan. Mungkin mereka sempat mengubahnya sebelum pegawai penguat kuasa KPDN turun melakukan pemeriksaan," katanya.

“  
Kita bekerjasama  
dengan GPS iaitu  
sukarelawan IPT  
di bawah KPDN  
Fuziah

## 2 ditahan bersama 4,415 diesel subsidi

**Ipoh:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menumpaskan aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi selepas merampas 4,415 liter bahan api itu di sebuah stor di Simpang, Hutan Melintang kira-kira 100 kilometer dari sini, kelmarin.

Pengaruhnya Datuk Kamaluddin Ismail dalam kenyataan berkata, serbuan Op Tiris 3.0 itu dilakukan sepasukan penguat kuasa KPDN Perak berdasarkan maklumat awam serta risikan selama seminggu.

Beliau berkata, ketika serbuan terdapat sebuah lori tangki sedang mengisi diesel di dalam tangki simpanan premis terbabit

menggunakan pam penyedut minyak.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas keseluruhan lokasi menemukan lapan buah skid tonk atau tangki penyimpanan berisi diesel dianggarkan keseluruhannya berjumlah 4,415 liter.

"Kita menahan dua suspek lelaki tempatan berumur 50 hingga 61 tahun iaitu pemandu lori dan pengurus premis," katanya.

Kamaluddin berkata, pihaknya merampas diesel, tiga lori treler dan dua lori tangki, peralatan mengepam minyak serta beberapa dokumen berkaitan yang keseluruhannya bernilai RM1 juta, selain invois dan resit jualan.

# 1,500 terima sumbangan persiapan raya

**99 Speed Mart kerjasama dengan KPWKM hulur bantuan kepada yang memerlukan**

+ Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

- Foto UKK KPWKM



Nancy (depan, tengah) bergambar bersama penerima-penerima sumbangan sempena majlis berbuka puasa bersama para penghuni Rumah Seri Kenangan Cheras pada Isnin.

Seramai 1,500 orang penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Selangor dan Kuala Lumpur berpeluang membuat persediaan Aidilfitri apabila menerima sumbangan barang keperluan daripada syarikat rangkaian kedai serbaneka, 99 Speed Mart Sdn Bhd. (99 Speed Mart).

Sumbangan yang disampaikan menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu dilaksanakan oleh 99 Speed Mart dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi JKM.

Sumbangan barang keperluan persediaan Aidilfitri itu terdiri daripada tepung gandum, peket bijun, kordial ros, buah kurma, gula pasir, biskut krim, peket minuman coklat dan lain-lain lagi.

Penyampaian sumbangan itu disempurnakan Menteri KPWKM, Datuk Sei! Nancy Shukri dalam majlis yang berlangsung di Rumah Seri Kenangan Cheras di Kajang, Selangor pada Isnin.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusof; Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Norazman Othman; Ketua Pegawai Operasi 99 Speed Mart, Yong Eng Kwang dan pegawai-pegawai kanan kementerian serta agensi kerajaan.

Para penerima sumbangan turut diraikan dalam satu majlis berbuka puasa bersama-sama.

## 10,000 kit makanan

Sementara itu, Nancy ketika berucap dalam majlis berkendara menzahirkan penghargaan terima kasih di atas inisiatif kerjasama 99 Speed Mart dalam menyantuni golongan yang memerlukan.

Tambah Nancy, selain KPWKM, 99 Speed Mart turut bekerjasama dengan KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak) dan KPKT (Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan) serta majlis agama Islam negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Melaka, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Kedah, Pedias serta Wilayah Persekutuan.

"Ini merupakan usaha murni yang telah dijalankan oleh 99 Speed Mart dan boleh dicontohi

oleh semua pihak bagi membantu seluruh masyarakat di Malaysia," saran beliau.

Malah, sejak tahun 2022 hingga 2023, sebanyak 13 buah syarikat telah menyumbang pelbagai bentuk barang dan peruntukan tunai melalui JKM kepada kumpulan sasaran KPWKM yang memerlukan.

Selaras dengan visi kerajaan untuk menjadi peneraju dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama, Nancy memberitahu, KPWKM sentiasa

menggalakkan aktiviti yang dapat menyokong objektif ini.

"Perkhidmatan kami (KPWKM) tanpa mengira warna, bangsa, agama dan kumpulan etnik. Segala usaha kami adalah untuk Malaysia dan rakyat Malaysia," ujarnya.

## Perkuat sistem sokongan sosial

Jelas Nancy, objektif KPWKM ialah meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan bagi memperkuatkan sistem sokongan yang berkesan dan komprehensif.

Berdasarkan statistik JKM, sehingga Februari 2024, jumlah penerima bantuan JKM di Selangor ketika ini adalah seramai lebih kurang 50,000 penerima dengan jumlah peruntukan telah disalurkan sebanyak RM20 juta.

Mahakota di Kuala Lumpur, terdapat hampir 15,000 penerima bantuan JKM dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6 juta.

"JKM juga menyediakan Program 2 Years Exit (2YEP) yang mana kita akan berikan geran permulaan untuk memanfaatkan mereka yang berniaga.

"JKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi keluarga atau kes yang memerlukan khidmat nasihat," ujarnya.

*Perkhidmatan kami (KPWKM) tanpa mengira bangsa, agama dan kumpulan etnik. Segala usaha kami adalah untuk Malaysia dan rakyat Malaysia."*

- Nancy

Nancy menyerahkan sumbangan kepada penerima berupa barang keperluan asas sebagai persediaan sambutan Aidilfitri kepada salah seorang penerima.



Yong Eng Kwang (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Nancy sebagai tanda penghargaan sambil disaksikan oleh Norazman (dua dari kanan).



Nancy meluangkan masa menyantuni hadirin yang turut serta dalam majlis berbuka puasa dan penyerahan sumbangan Aidilfitri kepada penghuni Rumah Seri Kenangan Cheras di Kajang, Selangor pada Isnin.

**3.2 MILLION LITRES OF DIESEL SEIZED**

# Ministry expects spike in cases of smuggling, misappropriation

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is expecting an increased number of diesel smuggling and diesel misappropriation cases this year.

The ministry's Price Control and Anti-Profitereering Section director, Zubir Hamsa, said it had seized 3.2 million litres of diesel worth RM7.5 million through Op Tiris involving 324 cases between January and March 27 this year.

"In just three months, the amount of seized diesel is already 50 per cent of last year's amount. During this period, operations saw 6.4 million litres of diesel worth RM14.2 million being seized in 877 cases, including 386 handover cases.

"At the rate it is going, we are going to see an increase (in cases) this year," he said during an interview with *New Straits Times' Beyond The Headline* podcast.

Last month, Domestic Trade

and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said more than RM5 million worth of subsidised goods that were misappropriated and smuggled were seized during Op Tiris 3.0 from Jan 1 to Feb 15.

In Sabah, 221 inspections were carried out, and 29 cases were recorded, with a total value of controlled items seized amounting to RM192,845.

Zubir said the ministry was scrutinising its standard operating procedures for handover cases to identify grey areas that could be improved.

"Handover cases are when the police catch or arrest somebody in the field over diesel smuggling or anything related, normally it will be handed over to us.

"We are polishing up the SOP to make sure that the chain of evidence is present as it gets handed over from one agency to another."

# Subsidised diesel syndicate crippled

**IPOH:** The Perak enforcement division of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry crippled an attempt to illegally trade in subsidised diesel and seized 4,415 litres of the fuel at an unlicensed store in Simpang, Hutan Melintang.

Its director Datuk Kamaluddin Ismail said the raid, *Ops Tiris 3.0*, was carried out on Wednesday based on public tip-off and intelligence work.

He said when the team arrived, they spotted the fuel from a tanker being pumped into storage tanks at the premises.

Kamaluddin said the team found eight storage tanks containing the diesel and arrested a lorry driver and the manager of the premises for investigations.

He said also seized in the raid were three trailer lorries, two tankers, oil pumps and related documents, including receipts and invoices. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Beras tempatan masih tiada di pasaran?

Oleh NURULIRDINA SUMALI  
irdina.sumali@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Bekalan beras putih tempatan (BPT) yang berharga RM26 bagi pek 10 kilogram masih lagi sukar didapati dalam pasaran walaupun telah mendapat jaminan daripada pihak kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Petugas Khas (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Negara bagi Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, berdasarkan tinjauan pihaknya, bekalan beras putih tempatan masih tidak banyak di pasaran.

"Dari 173 lokasi yang kita tinjau termasuk Mydin, Lotus dan KK Mart, hanya enam lokasi yang mempunyai bekalan beras tempatan itu pun sangat sedikit dan tidak melebihi 100 kampit," katanya.

Terdahulu akhbar ini melaporkan pengguna akhirnya dapat membeli beras putih tempatan

yang berharga RM26 bagi pek 10 kilogram selepas enam bulan beras itu tiada dalam pasaran.

Isnin lalu, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, beberapa lokasi utama di seluruh negara sudah tiada bekalan BPT sejak lebih empat bulan lalu.

Katanya, keadaan itu berbeza dengan pengumuman termasuk daripada Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Lebih merunsingkan apabila rakyat terpaksa berhadapan isu harga beras putih import (BPI) yang masih dianggap tinggi menjelang musim perayaan," katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, beliau berpuas hati dengan keputusan kerajaan yang memberi jaminan berhubung bekalan beras tempatan tersebut.

Namun, setakat lapan hari selepas pengumuman yang dibuat itu, bekalan beras putih tempatan

masih lagi sukar untuk didapati.

"Jadi saya minta Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, untuk menjelaskan perkara ini kepada rakyat," katanya.

Turut senada dalam isu berkenaan ialah Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake) Mohamad Yusrizal Yusoff yang menyatakan bekalan beras putih tempatan masih 'belum nampak bayang' di kebanyakan pasar raya.

Katanya, keadaan itu menyukarkan pengguna berbelanja dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri semakin hampir.

"Saya sendiri buat tinjauan dan semakan, yang ada hanya beras import yang dijual pada harga RM30 bagi pek 10 kilogram, bukan semua rakyat mampu."

"Kita berharap menjelang raya, bekalan beras putih tempatan sudah ada banyak, pengguna boleh beli dengan hati yang senang," jelasnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 29 MAC 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-Mar	'Kantoi' seleweng minyak diesel guna lori tanah	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/27/kantoi-seleweng-minyak-diesel-guna-lori-tanah/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/27/kantoi-seleweng-minyak-diesel-guna-lori-tanah/</a>	TV SARAWAK
29-Mar	Pelaksanaan beransur-ansur pastikan subsidi bersasar capai sasaran	<a href="https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/03/1228543/pelaksanaan-beransur-ansur-pastikan-subsidi-bersasar-capai-sasaran">https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/03/1228543/pelaksanaan-beransur-ansur-pastikan-subsidi-bersasar-capai-sasaran</a>	BERITA HARIAN
29-Mar	Sokong produk Muslim ganti boikot	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/656765/suara-sinar/analisis-sinar/sokong-produk-muslim-ganti-boikot">https://www.sinarharian.com.my/article/656765/suara-sinar/analisis-sinar/sokong-produk-muslim-ganti-boikot</a>	SINAR HARIAN
29-Mar	SEBANYAK 496 NOTIS DIKELUARKAN TERHADAP PENIAGA MENERUSI OPS KESAN 2024	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2282982">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2282982</a>	BERNAMA
29-Mar	496 notis dikeluarkan terhadap peniaga menerusi Ops Kesan 2024	<a href="https://www.wilayahku.com.my/496-notis-dikeluarkan-terhadap-peniaga-menerusi-ops-kesan-2024/">https://www.wilayahku.com.my/496-notis-dikeluarkan-terhadap-peniaga-menerusi-ops-kesan-2024/</a>	WILAYAHKU
29-Mar	33,000kg of surplus food worth RM416,000 collected at Ramadan bazaars - Fuziah	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/33000kg-surplus-food-worth-rm416000-collected-ramadan-bazaars-fuziah-464252">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/33000kg-surplus-food-worth-rm416000-collected-ramadan-bazaars-fuziah-464252</a>	ASTRO AWANI
29-Mar	MySaveFood Ramadan selamatkan 33,000 kg makanan, minuman yang tidak terjual	<a href="https://suarasarawak.my/mysavefood-ramadan-selamatkan-33000-kg-makanan-minuman-yang-tidak-terjual/">https://suarasarawak.my/mysavefood-ramadan-selamatkan-33000-kg-makanan-minuman-yang-tidak-terjual/</a>	SUARA SARAWAK
29-Mar	Kedai serbaneka jual gula 10 sen diambil tindakan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/657075/berita/semasa/kedai-serbaneka-jual-gula-10-sen-diambil-tindakan#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/657075/berita/semasa/kedai-serbaneka-jual-gula-10-sen-diambil-tindakan#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
29-Mar	Pasar raya jual gula 10 sen tanpa permit kena tindakan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/28/pasar-rayajual-gula-10-sen-tanpa-permit-kena-tindakan/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/28/pasar-rayajual-gula-10-sen-tanpa-permit-kena-tindakan/</a>	KOSMO
29-Mar	Cawangan kedai serbaneka disyaki tidak mohon buat jualan murah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074906/cawangan-kedai-serbaneka-disyaki-tidak-mohon-buat-jualan-murah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1074906/cawangan-kedai-serbaneka-disyaki-tidak-mohon-buat-jualan-murah</a>	HARIAN METRO

29-Mar	KPDN SERBU CAWANGAN BAHARU PASAR RAYA DISYAKI TIDAK KEMUKA PERMOHONAN JUALAN MURAH	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2283588">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2283588</a>	BERNAMA
29-Mar	Cawangan kedai serbaneka disyaki tidak memohon adakan jualan murah	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1229101/cawangan-kedai-serbaneka-disyaki-tidak-memohon-adakan-jualan-murah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1229101/cawangan-kedai-serbaneka-disyaki-tidak-memohon-adakan-jualan-murah</a>	BERITA HARIAN
29-Mar	Kedai serbaneka berdepan denda RM2 juta jual barang kawalan tanpa lesen	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kedai-serbaneka-berdepan-denda-rm2-juta-jual-barang-kawalan-tanpa-lesen/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kedai-serbaneka-berdepan-denda-rm2-juta-jual-barang-kawalan-tanpa-lesen/#google_vignette</a>	UTUSAN MALAYSIA
29-Mar	KPDN raids supermarket branch for suspected sales violation	<a href="https://thesun.my/local_news/kpdn-raids-supermarket-branch-for-suspected-sales-violation-PG12273783">https://thesun.my/local_news/kpdn-raids-supermarket-branch-for-suspected-sales-violation-PG12273783</a>	THE SUN
29-Mar	Sabah Domestic Trade handles 67 cases with over RM2m seizure of controlled items	<a href="https://www.malay.news/sabah-domestic-trade-handles-67-cases-with-over-rm2m-seizure-of-controlled-items/">https://www.malay.news/sabah-domestic-trade-handles-67-cases-with-over-rm2m-seizure-of-controlled-items/</a>	MALAY NEWS
29-Mar	KPDN SABAH TERIMA 67 SERAHAN KES DENGAN NILAI RAMPASAN LEBIH RM2 JUTA	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2283627">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2283627</a>	BERNAMA
29-Mar	KPDN Sabah terima 67 serahan kes dengan nilai rampasan lebih RM2 juta	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-sabah-terima-67-serahan-kes-dengan-nilai-rampasan-lebih-rm2-juta-DG12273808">https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-sabah-terima-67-serahan-kes-dengan-nilai-rampasan-lebih-rm2-juta-DG12273808</a>	THE SUN
29-Mar	KPDN Sabah terima 67 serahan kes dengan nilai rampasan lebih RM2 juta	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sabah-terima-67-serahan-kes-dengan-nilai-rampasan-lebih-rm2-juta-464324">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sabah-terima-67-serahan-kes-dengan-nilai-rampasan-lebih-rm2-juta-464324</a>	ASTRO AWANI
29-Mar	KPDN Kelantan sita 34,871 liter minyak diesel di Kuala Krai	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-sita-34871-liter-minyak-diesel-di-kuala-krai-464330">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-sita-34871-liter-minyak-diesel-di-kuala-krai-464330</a>	ASTRO AWANI
29-Mar	KPDN KELANTAN SITA 34,871 LITER MINYAK DIESEL DI KUALA KRAI	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2283614">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2283614</a>	BERNAMA

29-Mar	KPDN tahan lelaki warga emas, sita 34,871 liter diesel	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/657076/berita/semasa/kpdn-tahan-lelaki-warga-emas-sita-34871-liter-diesel">https://www.sinarharian.com.my/article/657076/berita/semasa/kpdn-tahan-lelaki-warga-emas-sita-34871-liter-diesel</a>	SINAR HARIAN
29-Mar	KPDM seizes 34,871 litres of diesel in Kuala Krai	<a href="https://thesun.my/local_news/kpdm-seizes-34871-litres-of-diesel-in-kuala-krai-OG12273962">https://thesun.my/local_news/kpdm-seizes-34871-litres-of-diesel-in-kuala-krai-OG12273962</a>	THE SUN
29-Mar	Lelaki Didenda RM15,000, Ambil Dan Guna Diesel Melebihi Had Kuantiti	<a href="https://sabahnews.com.my/lelaki-didenda-rm15000-ambil-dan-guna-diesel-melebihi-had-kuantiti/#google_vignette">https://sabahnews.com.my/lelaki-didenda-rm15000-ambil-dan-guna-diesel-melebihi-had-kuantiti/#google_vignette</a>	SABAH NEWS
29-Mar	Lelaki tempatan didenda RM15,000, ambil dan guna diesel melebihi had kuantiti	<a href="https://sabahmedia.com/2024/03/28/lelaki-tempatan-didenda-rm15000-ambil-dan-guna-diesel-melebihi-had-kuantiti/">https://sabahmedia.com/2024/03/28/lelaki-tempatan-didenda-rm15000-ambil-dan-guna-diesel-melebihi-had-kuantiti/</a>	SABAH MEDIA
29-Mar	Lelaki warga tempatan didenda RM15 ribu, ambil dan guna diesel lebih had kuantiti	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/28/lelaki-warga-tempatan-didenda-rm15-ribu-ambil-dan-guna-diesel-lebih-had-kuantiti">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/28/lelaki-warga-tempatan-didenda-rm15-ribu-ambil-dan-guna-diesel-lebih-had-kuantiti</a>	UTUSAN BORNEO
29-Mar	Man fined RM15,000 over diesel	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/231418/man-fined-rm15-000-over-diesel/">https://www.dailyexpress.com.my/news/231418/man-fined-rm15-000-over-diesel/</a>	DAILY EXPRESS
29-Mar	Perak Domestic Trade Ministry seizes 4,415 litres of subsidised diesel in Hutan Melintang	<a href="https://www.malay.news/perak-domestic-trade-ministry-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang/">https://www.malay.news/perak-domestic-trade-ministry-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang/</a>	MALAY NEWS
29-Mar	Perak Domestic Trade Ministry seizes 4,415 litres of subsidised diesel in Hutan Melintang	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/28/perak-domestic-trade-ministry-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang/125997">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/28/perak-domestic-trade-ministry-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang/125997</a>	MALAY MAIL
29-Mar	PERAK KPDN SEIZES 4,415 LITRES OF SUBSIDISED DIESEL IN HUTAN MELINTANG	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2283487">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2283487</a>	BERNAMA
29-Mar	Perak KPDN seizes 4,415 litres of subsidised diesel in Hutan Melintang	<a href="https://thesun.my/local_news/perak-kpdn-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang-MG12272068">https://thesun.my/local_news/perak-kpdn-seizes-4415-litres-of-subsidised-diesel-in-hutan-melintang-MG12272068</a>	THE SUN
29-Mar	Masih ada keperluan tumpung subsidi produk petroleum	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/03/1228946/masih-ada-keperluan-tampung-subsidi-produk-petroleum">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/03/1228946/masih-ada-keperluan-tampung-subsidi-produk-petroleum</a>	BERITA HARIAN